

25 SEP 2002
Parlimen-Bahas
PEMBANGKANG PERTAHANKAN IMF

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Seorang anggota pembangkang hari ini mempertahankan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang didakwa telah memainkan peranan berkesan dalam membantu memulihkan ekonomi negara-negara yang dilanda kegawatan.

Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman) berkata, ekonomi Korea Selatan dan Thailand yang menerima bantuan IMF berada pada kedudukan yang lebih baik berbanding dengan Malaysia.

"Apa salahnya IMF, Korea (Selatan) dan Thailand menggunakan IMF tetapi jauh lebih baik daripada kita," katanya ketika membahaskan Bajet 2003 pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau mempersoalkan tindakan kerajaan menangani kegawatan ekonomi dengan tidak mendapatkan bantuan IMF tetapi menggunakan wang rakyat menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen bagi menyelamatkan syarikat swasta yang disifatkannya sebagai kroni kepada pemimpin negara.

Kerajaan sepatutnya membina semangat keusahawanan bagi meningkatkan ekonomi negara dan bukan menggunakan wang berbilion ringgit untuk menyelamatkan syarikat tertentu, katanya.

Beliau juga berkata usaha pihak pembangkang membentangkan "Belanjawan Alternatif" bukan sahaja mengejutkan Barisan Nasional tetapi membuktikan bahawa pembangkang telah bersedia memerintah negara.

Katanya, pembangkang banyak memperolehi maklumat bagi merangka "Belanjawan Alternatif" menerusi laporan-laporan Bank Negara, Bank Pembangunan Asia dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang disediakan pegawai kerajaan dan ia tidak sepatutnya dipertikai oleh kerajaan.

Beliau mendakwa Bajet 2003 yang dibentangkan Jumaat lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan tidak mendatangkan banyak faedah kepada negara dan ia dibuktikan menerusi kejatuhan indeks Bursa Saham Kuala Lumpur pada Isnin dan semalam.

"Belanjawan alternatif yang dibentangkan pembangkang adalah ubat paling mujarab, oleh itu jangan malu dan jangan segan untuk menggunakannya, gunakanlah belanjawan alternatif," katanya.

Bagaimanapun beberapa anggota penyokong kerajaan membalas kenyataan Abdul Rahman itu dengan berkata: "pigi la..."

Datuk Mohd Ali Hassan (BN-Tebrau) yang mendapat laluan semasa perbahasan Abdul Rahman, menampar anggota pembangkang itu yang disifatkannya tidak mengambil pengajaran daripada kejatuhan ekonomi Indonesia yang mendapatkan bantuan IMF.

Datuk Mohd Zin Mohamed (BN-Shah Alam) pula berkata Malaysia perlu membina kekuatan dalaman untuk membina ekonominya memandangkan senario ketidakpastian ekonomi dunia sekarang, negara tidak boleh bergantung semata-mata kepada aliran masuk pelabur asing (FDI).

Beliau berkata dalam konteks ini, sumber manusia menjadi modal utama kepada negara dalam menguatkan kedudukan ekonomi tetapi untuk memastikan kemajuan itu, keamanan dan kestabilan negara perlu didahului.

Mengenai peranan Malaysia dalam arena politik antarabangsa, Mohd Zin berkata Malaysia harus mengambil kesempatan bagi memperbaiki peranan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) apabila menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Negara Islam pada Oktober tahun depan.

Beliau berkata OIC mestilah menjadi satu pertubuhan yang mampu bersuara

dan mengemukakan resolusi bagi menangani masalah yang dihadapi negara-negara Islam seperti isu Palestin.

"Malaysia kini diiktiraf oleh OIC sebagai sebuah negara Islam yang maju, kita harap kerajaan dapat mengambil kesempatan ini untuk menguatkan peranan OIC," katanya sambil berkata negara anggota OIC sendiri sering mengharapkan Malaysia dan Dr Mahathir untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi negara Islam.

Beliau memberikan contoh terbaru apabila Presiden Palestin, Yasser Arafat menghubungi Perdana Menteri di Copenhagen apabila dia dikepung tentera Israel dan Dr Mahathir telah meminta bantuan Presiden Perancis Jacques Chirac, yang merupakan negara anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membantu di samping menulis surat kepada pemimpin dunia lain.

Menyentuh tentang cadangan kerajaan memperkenalkan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris untuk menyediakan sumber manusia yang lebih kompetitif, Mohd Zin berkata ia perlu kerana pasaran utama dunia adalah dalam kelompok pengamal bahasa Inggeris.

Bagaimanapun, kenyataan beliau dicelah oleh Zawawi Haji Ahmad (PAS-Padang Terap) yang mempersoalkan bagaimana bahasa Malaysia hendak dipertahankan.

Mohd Zin berkata isu bahasa harus dilihat sebagai input yang memberi kekuatan kepada rakyat Malaysia untuk menghadapi globalisasi dan k-ekonomi.

"Bahasa Malaysia tidak akan hilang kedaulatannya," katanya.

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

NN HS MOZ